

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 16 MAC 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8

Mesin layan diri diperluas ke hospital, universiti

Mesin layan diri diperluas ke hospital, universiti

Kementerian sasar dapat diserah kepada 5,000 penerima di bawah INSAN

Oleh Mohd Amin Jalil
bhnews@bh.com.my

Seremban: Mesin layan diri Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) akan diperluas di beberapa universiti, hospital serta pejabat swasta, kata Menteri Ekonomi Rafizi Ramli.

Rafizi berkata, pihaknya akan melancarkan mesin itu di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Puncak Alam, Selangor pada 21 Mac ini selepas pelajar kembali ke kampus.

"Perancangannya, mesin layan diri ini diletakkan di tempat awam, kawasan tumpuan atau lokasi yang dilihat mempunyai pembeli berskala besar (seperti di kampus).

"Kita sedang memuktamadkan beberapa tempat lagi (diletakkan mesin tersebut) di seluruh negara. Antaranya beberapa lokasi di Perak akan dilancarkan dalam tempoh beberapa minggu ini," katanya selepas melawat tapak Mesin Layan Diri IPR di Stesen Bas Terminal 1, semalam.

Beliau turut menyasarkan me-



Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun mencuba mesin layan diri IPR Stesen Bas Terminal 1, Seremban, semalam.

(Foto Azril Edham/BH)

sin berkenaan dapat diperluas kepada 5,000 penerima di bawah Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) pada tahun ini.

Menerusi insiatif INSAN, penerima akan diberikan mesin layan diri di tempat yang telah dipilih dan akan menerima seawan bulanan serta dibayar terus kepada penyediaan mesin layan diri antara RM600 hingga RM800 bergantung kepada jenis mesin.

Permohonan lebih sasaran
Menurut Rafizi, permohonan

terhadap mesin itu melebihi sasaran ditetapkan bagaimanapun penyediaan mesin berkenaan perlu mengikuti kemampuan operator dalam menyediakannya.

"Saya jangkakan menjelang akhir tahun ini mencecah puluhan ribu permohonan kerana setakat ini permohonan melebihi sasaran ditetapkan, bagaimanapun kita perlu mengukur kapasiti industri yang menyediakan mesin layan diri."

"Operator perlu mengeluarkan RM20,000 hingga RM30,000

bagi sebuah mesin yang ditanggung sendiri. Kerajaan tidak membeli mesin ini, kerajaan hanya membayar sewa, modal itu perlu dikeluarkan oleh pihak operator mesin layan diri," katanya.

Bagi seorang penerima, Syuhaila Mohd Yusof, 48, dengan mesin itu beliau mampu menjual makanan seperti pastri, roti, nasi lemak, ayam goreng berharga RM1 hingga RM3 mengikut piawaian yang ditetapkan Kementerian Kesihatan.